

RAM untuk komputer riba

BERAPA banyakkah kapasiti memori RAM (*Random Access Memory*) yang diperlukan bagi sesebuah komputer riba?

Salleh, Muar.

Kebiasaannya sesebuah komputer riba baru memerlukan sekurang-kurangnya 2GB RAM sehingga 16GB RAM. Komputer riba yang spesifikasi berprofil tinggi terutama untuk tujuan permainan komputer atau multimedia memerlukan kapasiti

**Diskusi
ICT**



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

memori RAM sehingga 32GB.

Situasi pada hari ini, komputer riba berfungsi seakan sama seperti mana komputer tablet atau telefon pintar dalam mengendalikan aplikasi komputer seperti memuat turun

aplikasi daripada storan awanan dan sebagainya. Kebanyakan aplikasi awanan ini bersifat lebih kompleks berbanding aplikasi komputer biasa. Jadi, sesebuah komputer riba memerlukan kapasiti RAM agak lebih tinggi sedikit berbanding biasa. Sebagai contoh, kapasiti bagi sebuah komputer riba yang beroperasi dalam teknologi dan storan awanan memerlukan sekurang-kurangnya kapasiti memori RAM sebanyak 4GB.

Bagi sesebuah komputer riba berasaskan sistem Windows

dan MacBooks dicadangkan memerlukan kapasiti memori RAM sekurang-kurangnya sehingga 8GB. Memori RAM 8GB adalah kapasiti terbaik bagi komputer riba berasaskan Windows dan MacBooks.

Sudah tentu, jika banyak melakukan kerja berasaskan reka bentuk grafik atau multimedia atau suka mempunyai berpuluh-puluh tab dibuka pada satu masa yang dikenali sebagai multitugasan, kapasiti memori RAM dipertimbang untuk

meningkatkan kepada sehingga 16GB.

Sekiranya banyak tugas berat yang dilakukan seperti mengedit video atau gambar bersaiz besar, dicadangkan dibuat menggunakan komputer peribadi.

Biasanya untuk tugas seperti ini tidak banyak orang menggunakan komputer riba tetapi sekiranya menggunakan komputer riba, perlulah memerlukan kapasiti memori RAM yang mencukupi kerana lebih sukar untuk menaik taraf

memori RAM dalam komputer riba berbanding komputer peribadi.

Perlu diingatkan bahawa dengan membeli kapasiti memori RAM yang tinggi tidak bermakna akan memberi prestasi tinggi dalam penggunaan komputer. Elakkan daripada pembaziran wang. Beli komputer riba dengan kapasiti memori RAM yang diperlukan sahaja dalam membuat sebarang tugas. Perlu dilihat juga spesifikasi komputer riba yang dibeli bagi pemproses dan kad video.